

NO SOALAN :24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TZE TZIN
(BAYAN BARU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 02.08.2017

Y.B. TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah rakyat Malaysia telah menerima baik GST, nyatakan sebab dan keputusan kaji selidik Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melaksanakan kaji selidik berhubung kefahaman GST di peringkat sebelum pelaksanaannya iaitu sebaik sahaja tarikh pelaksanaan GST diumumkan melalui Bajet 2014. Seterusnya, kaji selidik yang serupa juga telah dibuat pada awal tahun 2015 iaitu di peringkat awal pelaksanaan GST. Kaji selidik tersebut menunjukkan terdapat

peningkatan yang berterusan dari segi pemahaman dan penerimaan GST di kalangan rakyat yang mana tahap ini disumbangkan oleh program publisiti dan kesedaran yang dijalankan secara inklusif oleh Kerajaan.

Kerajaan juga mengambil pendekatan proaktif dengan melaksanakan usaha yang berterusan untuk memberi kefahaman yang tepat mengenai pelaksanaan GST terutamanya kepada golongan peniaga melalui pelbagai program *handholding*, kesedaran dan latihan serta platform perbincangan isu GST.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada pemerhatian setelah lebih dua tahun GST dilaksanakan, tahap kefahaman masyarakat umum adalah baik dan tiada isu kritikal yang dibangkitkan kepada pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Ini boleh dilihat melalui aduan yang diterima oleh JKDM dimana ianya telah mengalami pengurangan bagi tahun 2016 berbanding tahun 2015. Bagi tahun 2016, JKDM telah mencatatkan sebanyak 1,235 aduan sahaja berbanding tahun 2015 yang telah mencatatkan sebanyak 6,830 aduan. Seterusnya jumlah aduan dilihat semakin berkurangan bagi tahun 2017 di mana sehingga 24 Julai 2017, sebanyak 185 aduan sahaja yang diterima oleh JKDM. Tahap

pemahaman di kalangan peniaga mengenai pelaksanaan GST juga semakin meningkat di mana dari segi pendaftaran, bilangan entiti berdaftar GST sehingga 24 Julai 2017 adalah sebanyak 448,159 berbanding sasaran asal pendaftaran mandatori sebanyak 240,000 buah syarikat.